

21 JUN 2003

Mahathir-Perhimpunan

DR MAHATHIR AKAN MERINDUI PENTAS UNTUK BERI PENJELASAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Selepas menghadiri Perhimpunan Agung Umno sebagai presiden parti sejak 22 tahun lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan merindui sebahagian besar peluang untuk memberikan penjelasan, merapatkan barisan dan untuk meneruskan perjuangan parti pada perhimpunan itu.

Katanya beliau akan kehilangan kesempatan untuk memberikan penjelasan memandangkan beliau sedar bahawa banyak pihak perlu diberikan penjelasan berkaitan perkara-perkara yang mereka tidak faham dan perhimpunan itu menyediakan peluang ke arah itu.

"Saya akan rindukan kritikan terhadap kerajaan, terhadap parti dan cara mereka menerima penjelasan akhir tentang sesuatu perkara dan di penghujung perhimpunan kita sentiasa merapatkan barisan.

"Jadi saya akan kehilangan peluang ini untuk menjelaskan kenapa kita melakukan sesuatu perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditanya apakah yang beliau paling rindui daripada perhimpunan itu selepas menghadirinya sebagai Presiden parti sejak 22 tahun lepas, pada sidang media selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata Umno telah segar semula selepas berjaya memberikan penjelasan kepada orang Melayu mengenai perkembangan politik yang membawa kepada Umno kehilangan sokongan semasa pilihan raya umum 1999.

"Saya beritahu diri sendiri bahawa sebaik sahaja saya menjadi Perdana Menteri perkara pertama yang saya fikirkan ialah saya tidak akan melakukan sesuatu yang boleh membangkitkan kemarahan orang lain. Tetapi (ada kalanya) saya terpaksa berbuat begitu. Ia bukan pilihan saya tetapi apa yang saya lakukan itu adalah dalam lingkungan undang-undang.

Semasa diminta menggambarkan perasaannya selepas menghadiri perhimpunan agung itu, Dr Mahathir berkata: "Ianya memberikan kepuasan untuk melihat terlalu banyak bukti mengenai sokongan terhadap parti dan saya mengundurkan diri pada masa saya telah memulihkan parti. Saya puas hati dengan keadaan yang telah kembali ke asal.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri tidak menyangka yang beliau tidak menjadi emosional semasa mengakhiri ucapan penutupnya hari ini, bertentangan dengan apa yang dijangkakan oleh para perwakilan.

"Saya sendiri tak sangka. Saya takut untuk membuat ucapan itu kalau-kalau saya tidak dapat mengawal diri lagi. Tetapi Allah maha besar. Saya berjaya melakukannya tanpa menangis seperti selalu," kata beliau lagi.

Semasa ditanya mengenai perancangannya selepas bersara pada Oktober, Dr Mahathir berkata beliau mungkin menulis sebuah buku mengenai pengalamannya semasa menyandang pelbagai jawatan kerajaan.

Ketika didesak dengan soalan mengenai rancangannya dalam masa terdekat ini, beliau menjawab "saya ingin berehatlah... jadi jangan ganggu saya esok," katanya dengan disambut gelak ketawa semua yang menghadiri sidang media itu.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan ucapannya selaku Presiden Umno, Dr Mahathir berkata: "Bagi saya, saya puas hatilah, Ada sajak, pantun pun ada, okaylah."

Dalam nada yang lebih serius, Dr Mahathir ditanya mengenai ucapannya terutama mengenai fakta-fakta berkaitan PAS.

Beliau memberikan penekanan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Umno

untuk mengembalikan semula sesetengah umat Islam di negara ini kepada ajaran Islam selepas dipengaruhi oleh PAS yang menyalahgunakan agama untuk kepentingan politik.

Mengenai sama ada ucapan beliau membayangkan bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara lebih Islam lagi, Dr Mahathir berkata Malaysia sememangnya sebuah negara Islam dan tiada apa lagi yang perlu dibuktikan.

"Ia sudah pun wujud., Apa yang mereka mahu kita lakukan; pakai jubah, pakai serban dan ke sana ke mari seperti orang Arab celup, Arab sintentik, Arab maya?"

"Kami orang Islam. Enam puluh peratus daripada rakyat negara ini ialah orang Islam, dan 40 peratus lagi menerima hakikat bahawa ini ialah sebuah negara Islam. Kita tidak perlu membuktikan (apa-apa) kepada sesiapa pun," katanya.

Ditanya mengenai bagaimana Umno harus lakukan untuk mengalahkan PAS dalam pilihan raya umum, Perdana Menteri berkata jawapannya mudah.

"Kalau semua orang sokong siapa juga yang dijadikan calon, maka Umno akan menang. Tidak akan ada orang yang rasa kecewa, tak mahu kerjasama, tak ada bilik gerakan yang akan ditutup kerana tak bersetuju dengan calon," katanya.

Apabila ditanya tentang bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri berkata: "Dia berada dalam penjara. Jika parti mahu menerimanya selepas saya pergi, Saya tiada hak mengatakan tidak. Tetapi, anda kena tahu, apabila berada di dalam parti, anda mesti berjuang untuk parti.

"Tetapi jika berada dalam parti untuk kepentingan diri, menyogok untuk dapatkan sokongan, saya tidak fikir ia akan menghasilkan kepimpinan yang baik."

Dr Mahathir mengulangi bahawa beliau akan bersara daripada semua jawatan kerajaan, di dalam parti dan Barisan Nasional.

"Saya tidak akan memegang sebarang jawatan, Saya tidak akan menjadi presiden kanan," katanya sambil menambah beliau akan memegang jawatan Menteri Kewangan sehingga Oktober.

Semasa diminta merumuskan kemuncak dan kekecewaan sepanjang 22 tahun menerajui parti, Dr Mahathir berkata: "Kadang-kadang cemas juga. Bila ada yang belot, kita berasa sedih. Tapi benda ini berlaku dalam politik. Dalam politik tidak ada keadaan yang sama saja...,"

Pengalaman berpolitik menunjukkan bahawa kawan boleh jadi lawan dan lawan boleh jadi kawan, kata Dr Mahathir.

"Kadang-kadang saya berasa sedihlah, tapi lepas itu sikit dia jadi gembira balik, lepas tu dia sedih balik, lepas tu dia gembira balik -- macam pasaran saham," katanya sambil menunjukkan gerak tangan seperti pergerakan `roller coaster' yang disambut gelak ketawa.

-- BERNAMA

MAM JM MOZ